



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB PUAN HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**PROGRAM NUR RAMADAN WILAYAH PERSEKUTUAN
(PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)
2026/1447H**

10 MARCH 2026 (SELASA)

6.00 Petang

**MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

SALUTASI DISEDIAKAN

Salam sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Wilayah Persekutuan.

PEMBUKAAN

1. Terima kasih kepada semua yang hadir pada petang ini.
2. Bulan Ramadan merupakan bulan yang sangat bermakna bagi umat Islam. Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, Ramadan juga menjadi satu waktu yang mengingatkan kita semua tentang nilai kebersamaan, keprihatinan dan semangat berkongsi rezeki.
3. Sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap Wilayah Persekutuan, saya melihat sendiri bagaimana nilai-nilai ini terus hidup dalam komuniti kita di Kuala Lumpur.
4. Di sebuah kota yang sentiasa sibuk seperti Kuala Lumpur, Ramadan mengingatkan kita bahawa sebuah bandar bukan sekadar tentang bangunan tinggi atau pembangunan fizikal. Sebuah bandar yang baik ialah bandar yang memastikan komuniti saling menjaga dan tiada sesiapa yang terpinggir.
5. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada para penjawat awam serta semua rakan strategik yang bekerja keras memastikan setiap inisiatif kerajaan benar-benar sampai kepada rakyat.

KOMITMEN KERAJAAN DAN PROGRAM NUR RAMADAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan 2026 mencerminkan komitmen kerajaan untuk memperkukuhkan kerjasama di antara kerajaan dan masyarakat demi kesejahteraan komuniti.
7. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama Jabatan Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).
8. Kerjasama seperti ini amat penting kerana pembangunan sebuah bandar tidak boleh digalas oleh kerajaan sahaja. Ia memerlukan penglibatan institusi, komuniti dan masyarakat yang saling menyokong antara satu sama lain.
9. Kerajaan yang baik bukan hanya merancang dasar di peringkat atas tetapi juga mesti turun padang, mendengar suara rakyat dan memastikan bantuan sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN YANG MEMERLUKAN

Hadirin sekalian,

10. Pada hari ini, seramai 3,300 penerima di Kuala Lumpur akan menerima bantuan tunai sebanyak RM200 setiap seorang.
11. Walaupun jumlahnya mungkin sederhana, kita berharap bantuan ini dapat membantu meringankan sedikit beban keluarga yang

memerlukan khususnya sepanjang bulan Ramadan dan dalam membuat persiapan menjelang Aidilfitri.

12. Kejayaan program seperti ini juga bergantung kepada urus tadbir yang cekap dan berintegriti supaya setiap bantuan sampai kepada golongan yang disasarkan.
13. Sebagai tanda sokongan kepada usaha kebajikan komuniti, Jabatan Wilayah Persekutuan turut menyalurkan sumbangan khas sebanyak RM5,000 kepada rakan-rakan strategik Program Nur Ramadan pada hari ini.
14. Sumbangan tersebut akan diserahkan kepada:
 - Masjid Wilayah Persekutuan
 - Sekolah Rendah Agama Ibnu Kathir
 - Madrasah Manbaul Uloom
15. Saya berharap sumbangan ini dapat membantu memperkukuhkan lagi usaha kebajikan dan pembangunan komuniti yang dilaksanakan oleh institusi-institusi ini.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Ramadan mengingatkan kita semua bahawa kekuatan sesebuah masyarakat bukan hanya diukur melalui pembangunan fizikal atau kemajuan ekonomi tetapi melalui sejauh mana kita saling membantu dan menjaga antara satu sama lain.

17. Sebuah kota yang benar-benar maju ialah kota yang memastikan setiap warganya tanpa mengira latar belakang, dapat hidup dengan lebih sejahtera.

18. Kepada umat Islam, saya mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa dan semoga Ramadan ini membawa keberkatan kepada semua.

19. Dengan ini, saya merasmikan Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan Peringkat Kuala Lumpur bagi tahun 2026.

Sekian, terima kasih.